

14 NOV 2002

Mahathir-Keganasan/I

DAKWAAN KONONNYA ASIA TENGGARA LINDUNGI PENGGANAS KURANG TEPAT

PUTRAJAYA, 14 Nov (Bernama) - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan sebagai kurang tepat dakwaan kononnya negara-negara di Asia Tenggara melindungi pengganas.

Tanpa menafikan bahawa terdapat kegiatan pengganas di rantau ini, Perdana Menteri berkata Malaysia amat berhati-hati dan telah mengambil beberapa tindakan membanteras kegiatan itu.

"Kami ada Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kami boleh tahan orang jika kami ada bukti bahawa aktiviti mereka mengancam keselamatan negara," katanya pada pertemuan dengan 31 anggota Kelab Akhbar Kebangsaan Jepun di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan sedar orang seperti ini mampu melakukan keganasan dan mereka perlu dihalang daripada bertindak.

"Kita dapat lihat bagaimana mereka melakukan kerosakan teruk di Indonesia," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan mengesan dari awal kegiatan seumpama itu dan telah dapat menghalangnya daripada berlaku.

"Secara keseluruhannya kami lebih stabil dan kami tetap mengatakan Malaysia sebuah negara selamat. Kami tidak sepatutnya dikategorikan sebagai negara berisiko untuk dilawati oleh pelancong," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia yang berbilang kaum telah dapat hidup dalam keadaan harmoni tanpa masalah perkauman.

"Memanglah, terdapat perbezaan pendapat yang kecil tetapi ini dapat diselesaikan," katanya.

Kepada satu soalan mengenai ekonomi, beliau berkata prestasi Malaysia secara amnya adalah baik walaupun dunia mengalami kemerosotan.

"Kami mampu teruskan pumilihan sehingga ke tahun depan. Kami sepatutnya mencatat kejayaan lebih baik tetapi timbul pula kejatuhan di Amerika Syarikat.

"Tahun ini adalah baik dan tahun depan akan lebih baik lagi," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ANA AZH MAI